

**KONSEP TARBİYAH MENURUT ZAINAB AL-GHAZALI AL-JUBAILY
DALAM TAFSIR NAZARAT FI KITABILLAH**

Siti Zaharah Abd. Hamid, Abur Hamdi Usman
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
ummizaharah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Al-Quran al-Karim adalah sumber ketamadunan dan pentarbiyahan insan sejagat. Keperibadian Rasulullah SAW, mufassir pertama adalah manifestasi agung akhlak al-Quran. Setia individu muslim dituntut mengkaji dan menghayati perintah dan panduan al-Quran demi menjamin kelestarian hidup umat manusia seluruhnya. Artikel ini menampilkan tokoh pendidikan kontemporari Zainab al-Ghazali al-Jubaily dengan kegigihannya mengajak masyarakat Islam seluruhnya sentiasa hidup di bawah pentarbiyahan al-Quran. Justeru artikel ini menggunakan metode kajian kepustakaan melalui analisis dokumen. Ia dilakukan dengan meneliti tafsir surah al Nur yang dikemukakan oleh Zainab al-Ghazali al-Jubaily: dalam karya tafsirnya Nazarat Fi Kitab Allah. Hasil kajian ini mendapati sentuhan-sentuhan tarbiyah kekeluargaan yang dikemukakan, memperlihatkan kematangan kefahaman tokoh terhadap panduan al-Quran serta kegigihan beliau dalam usaha mengajak umat Islam di semua peringkat agar sentiasa memastikan dapat hidup di bawah bimbingan al-Quran.

Kata kunci: Zainab al-Ghazali al-Jubaily, Nazarat Fi Kitab Allah, Surah al-Nur, Tafsir, Tarbiyah

1. PENDAHULUAN

Konsep tarbiyah mempunyai pengertian yang amat luas. Tarbiyah bermaksud latihan dan terapan. Tarbiyah juga merupakan satu metode pendidikan dalam Islam. Justeru penulisan ini dilakukan adalah untuk mengeluarkan elemen tarbiyah yang wujud dan banyak dibincangkan dalam kitab tafsir karangan Zainab al-Ghazali yang berjudul *Nazaraat Fi Kitabillah*. Perbincangan mengenai konsep tarbiyah ini juga menjurus kepada pentarbiyahan wanita muslimah. Hasil kajian terhadap kitab ini diharap mampu memberi sumbangan kepada percambahan ilmu khususnya yang melibatkan aspek tarbiyyah dan juga penambahan terhadap khazanah ilmu tafsir.

Sejajar dengan matlamat penciptaan manusia iaitu pengabdian dan taqwa kepada penciptanya, seperti firman Allah SWT dalam surah *al-Dzariyat* ayat 56;

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

Maksudnya:

'Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan Jin dan manusia melaikan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.' (*al-Dzariyat*: 56)

Tugas suci tersebut sulit dipenuhi tanpa proses kephahaman dan pentarbiyahan yang jelas. Objektif tarbiyah dalam Islam adalah melahirkan insan mukmin soleh yang dalam hidupnya sentiasa berusaha menyebarkan kebaikan kepada sesama makhluk. Dengan sikap demikian ia berpeluang mendapat kasih Allah SWT.

Islam memiliki kesempurnaan nilai, panduan dan manhaj tarbiyah yang terunggul. Al-Quran adalah perutusan Allah SWT kepada kemanusiaan sejagat, terdapat di dalamnya segala panduan kehidupan *manusawi* atas prinsip-prinsip utama sesuai bagi seluruh agama Samawi. Al-Quran juga memiliki keistimewaan merawat permasalahan kemanusiaan di segenap aspek kehidupan dengan rawatan yang

berkesan kerana al-Quran turun daripada yang Maha Bijaksana dan Terpuji. Firman Allah SWT.

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

Maksudnya: “*Sesungguhnya al-Quran ini memberi pertunjuk ke jalan yang amat benar (agama Islam) dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman, yang mengerjakan amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.*” (al-Isra: 9)

Jika disoroti sejarah awal kelahiran Islam, seseorang tidak dapat menafikan keujudan peranan dan sumbangan golongan wanita di pelbagai aspek kehidupan manusia. Dari sudut keintelektualan, sumbangan dari kalangan *ummahat al-mukminin* terutama Saidatina Aishah RA khususnya dalam periwayatan hadis dan tafsir al-Quran serta pelbagai bidang ilmu Islam adalah sesuatu yang tidak dapat dilupakan. Dengan menyorot peranan dan sumbangan golongan wanita dalam bidang tafsir dan ilmu yang berkaitan al-Quran diharap memampukan kita sampai kepada beberapa objektif penting sesuai dengan hak dan kedudukan wanita. Antaranya ialah dapat memperkasakan jati diri golongan wanita dengan ajaran dan tuntutan agamanya dengan bersungguh-sungguh menguasai al-Quran sebagai panduan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Dalam usaha mengenali dengan lebih dekat tokoh-tokoh muslimah, kajian ini memilih wanita ulung abad ke-20 iaitu seorang tokoh hebat yang juga dikenali sebagai seorang *da'iyah*, *murabbiyah* dan *mujahidah*. Beliau ialah Hajah Zainab al-Ghazali al-Jubaily dengan karya tafsir yang pertama muncul dari kalangan wanita berjudul “*Nazarat Fi Kitabillah*”. Dengan penampilan tokoh pilihan ini, diharap turut dapat menjadi contoh bagi pentafsir dari kalangan wanita yang bukan sahaja mampu menghasilkan karyanya berdasarkan kefahaman yang benar sejajar dengan syariat Islam malah benar-benar telah berusaha dan berjaya mengisi hampir seluruh kehidupannya dengan pelbagai pengalaman hidup berdasarkan gagasan kehidupan al-Quran (Badr Muhamad Badr: 2008).

2. BIOGRAFI ZAINAB AL-GHAZALI AL-JUBAILY

Zainab al-Ghazali al-Jubaily merupakan tokoh pentafsir pertama dari kalangan wanita. Beliau seorang tokoh muslimah hebat yang patut dicontohi oleh muslimah pada hari ini. Kitab tafsir yang dikenali ramai berjudul ‘*Nazarat Fi Kitabillah*’ menjadi suatu khazanah ilmu yang banyak mendorong para pengkaji untuk meneliti dan mengkaji pelbagai sudut ilmu yang terdapat dalam tafsir tersebut.

Penampilan Zainab al-Ghazali al-Jubaily sebagai tokoh pilihan kerana beliau mempunyai latar belakang pendidikan dan pengalaman hidup yang bukan sahaja mampu menjadi faktor utama kesedaran dan kematangannya dalam ilmu-ilmu Islam, malah ia turut dapat menjadi contoh ke arah penghasilan karya tafsir dari kalangan wanita. Beliau juga bukan sahaja mampu menghasilkan karyanya berdasarkan kefahaman yang benar dan sejajar dengan matlamat hidup muslimah, mampu menjadikan gagasan kehidupan adalah al-Qurani, malah beliau

benar-benar contoh muslimah yang gigih berjuang dan berjaya mengisi hampir keseluruhan kehidupannya dengan penghayatan al-Quran dan mengajak kaum sejenisnya untuk hidup dengan pentarbiyahan al-Quran melalui pelbagai aspek dalam kehidupan yang dilaluinya termasuk peranannya sebagai ahli tafsir (Muhammad al-Salik:).

2.1 Biodata

Zainab Muhammad al-Ghazali al-Jubaily dilahirkan pada 2 Januari 1917M bersamaan 8 Rabiul Awal 1335H di *Mayeet Yaisy* sebuah desa di pusat *Mayeet Ghumar* dalam daerah *Ad-Daqilyah* di daerah *Buhairah*, Mesir. Keturunan ayahnya sampai kepada Khalifah Umar al-Khattab RA. Manakala keturunan ibunya bersambung hingga kepada Saidina al-Hasan bin Ali bin Abi Talib RA. Datuknya seorang saudagar kapas yang terkenal. Ayahnya merupakan salah seorang ulama al-Azhar di samping memiliki dan menjalankan perusahaan kapas (Badr Muhamad Badr: 2008)

Zainab al-Ghazali lahir dan dibesarkan oleh kedua ibu bapanya dalam persekitaran pendidikan Islam yang jelas. Pada peribadi Zainab tercanai kukuh sifat-sifat gigih dan berani hasil didikan ayahnya yang ingin dan sentiasa berusaha membentuk jati diri muslimah mujahidah yang hebat pada diri Zainab dengan sering mengulang kata-katanya; *“Kamu tidak perlu banyak bermain-main dengan kawan-kawan kerana kamu adalah Saiyidah Zainab”*

Ayahnya sering membawa Zainab bersama untuk solat Subuh di masjid dan menghadiri majlis-majlis ta’lim bersama tokoh ulama al-Azhar. Zainab juga sering diperingatkan agar sentiasa menunaikan semua solatnya pada awal waktu. Ayahnya benar-benar berusaha gigih menyediakan bagi diri Zainab suatu persiapan untuk hari-hari yang mendatang. Beliau juga sering memanggil Zainab dengan gelaran Nusaiybah sempena nama seorang sahabiyah yang terkenal dengan keberaniannya iaitu Nusaiybah binti Ka’ab al-Maziniyah al-Ansoriyah. (Badr Muhamad Badr: 2008)

2.2 Pendidikan

Zainab al-Ghazali melalui pendidikan awal di madrasah kampung halamannya. Beliau juga berkesempatan belajar di sekolah kerajaan di samping mengikuti pengajian agama di tangan para syaikh al-Azhar. Di antara ilmu-ilmu yang dia pelajari adalah ilmu hadis, tafsir dan fiqh (Muhammad Said Mursi: 2011)

Selepas kewafatan ayahnya pada tahun 1928M, Zainab yang ketika itu baru berusia sekitar sebelas tahun berpindah bersama ibunya ke Kaherah untuk tinggal bersama saudara-saudara lelakinya yang belajar dan yang berkerja di sana. Saudara lelakinya yang tertua Sa’aduddin al-Ghazali tidak bersetuju untuk membenarkan Zainab meneruskan pengajiannya walaupun Zainab bersungguh-sungguh meminta kebenarannya. Abangnya memberi alasan pada ibunya dengan katanya *“Zainab telah diajar oleh ayah sikap berani dan degil, dia tidak mendengar selain dari kehendak dan pemikirannya saja, memadailah dengan apa yang telah dipelajari di kampung...”*. Ibunya sendiri berpendapat Zainab perlu patuh kepada abangnya kerana kedudukannya sebagai seorang bapa.

Tetapi Allah SWT telah membantu Zainab melalui abangnya yang kedua bernama Ali dengan menyatakan pendapat bahawa dengan memberi peluang Zainab belajar dapat membentuk pemikirannya dan boleh memperbetulkan pandangannya terhadap banyak perkara terutama terhadap manusia. Dia telah membekalkan Zainab dengan beberapa buku dan yang terpenting buku karya Aisyah al-Taimury mengenai wanita dan kebebasan. Zainab membacanya hingga dapat menghafaz banyak dari kandungannya. Namun bagi Zainab tidak memadai untuknya dengan buku-buku dan pembacaan secara umum (Badr Muhamad Badr: 2008).

Semasa ia berusia dua belas tahun, Zainab keluar daripada rumahnya di *Haiyi Syubra* dan beliau terpendang ke sebuah sekolah khas untuk pelajar perempuan. Zainab dengan keberanian dan kebijaksanaan berjaya melalui beberapa ujian kelayakan dan dapat meyakinkan pihak pengurusan sekolah hingga diberi peluang belajar di sekolah tersebut.

Begitulah seterusnya Zainab belajar di beberapa sekolah kerajaan. Seterusnya Zainab mula bertalaqqi ilmu agama dengan beberapa syaikh al-Azhar yang terdiri daripada tokoh ulama al-Azhar al-Syarif seperti Syeikh Ali Mahfuz, Ketua Bahagian Pengajaran dan Bimbingan di al-Azhar, Syeikh Muhammad Sulaiman an-Najjar dan Syeikh al-Majid al-Labban. Melalui cara ini Zainab berjaya menggabungkan antara disiplin ilmu moden dan pengajian tradisi yang berorientasikan pengajaran secara langsung daripada para syaikh yang hebat (Ibn Hasyimi: 1989).

2.3 Penglibatan Dalam Kesatuan Wanita Mesir

Pada 1936M, Zainab terbaca satu iklan di sebuah akhbar iaitu Kesatuan Wanita Mesir di bawah pimpinan Huda Sya'rawi, membuat tawaran untuk program Lawatan sambil belajar ke Perancis. Zainab terus ke pejabat Kesatuan dan bertemu Huda Sya'rawi dan mendaftarkan nama Zainab ke dalam pertubuhannya Kesatuan Wanita Mesir yang ketika itu begitu lantang menuntut dan memperjuangkan hak-hak wanita dalam masyarakat. Huda Sya'rawi sendiri memberikan galakan terhadap penyertaan Zainab al-Ghazali dan meletakkan harapan untuk menjadikan Zainab iaitu seorang pemidato berbakat sebagai bakal penggantinya dalam memimpin Kesatuan Wanita tersebut. Zainab mula berperanan dalam kalangan anggota Kesatuan tersebut dan dapat menarik tumpuan ramai wanita (Ibn al-Hasyimi: 1989).

Kedudukan ini memang diimpikan oleh Zainab, tetapi Allah SWT menghendaki sesuatu yang lain untuknya. Ini kerana setelah nama Zainab terpilih dalam senarai yang paling atas untuk menyertai program lawatan belajar ke Perancis tersebut, malah telah diumumkan tarikh berangkatnya, Zainab bermimpi bertemu dengan ayahnya yang memintanya membatalkan rancangannya serta menjanjikan sesuatu yang lebih penting untuknya di Mesir. Beliau segera memohon keuzuran dari menyertai lawatan tersebut dan tetap atas pendirian barunya itu walaupun cuba dipujuk. Beliau menolak dengan katanya; "selama mana ayah saya menyuruh, saya tidak akan menyalahi perintahnya" (Ibn al-Hasyimi: 1989).

Pada tahun-tahun pertamanya dalam Kesatuan Wanita Mesir, Zainab al-Ghazali turut terlibat dalam banyak perbincangan secara berhadapan bersama ulama al-Azhar. Zainab berkeyakinan bahawa perjuangan ke arah kebebasan hak-hak wanita ini masih termasuk dalam lingkungan yang dibenarkan oleh Islam, malah Zainab

beranggapan itu adalah suatu usaha ke arah merealisasikan kesempurnaan Islam. Keperibadian dan kegigihan Zainab menarik perhatian dalam kalangan ramai ulama al-Azhar. Keupayaan Zainab mampu meyakinkan masyarakat dengan sudut pandangan yang berbeza dari pandangan Kesatuan Wanita amat diperlukan. Bagi tujuan tersebut diadakan beberapa siri perbincangan dengan Zainab untuk menjelaskan kepadanya sebahagian permasalahan agama yang belum difahaminya. Al-Syeikh Muhammad al-Najjar merupakan salah seorang ulama al-Azhar membantunya dalam memahami banyak isu dalam perjuangan Kesatuan Wanita yang yang perlu dijelaskan (Ibn al-Hasyimi: 1989).

Hasil daripada perbincangan tersebut, kini jelas pada Zainab bahawa harapannya hanya ada pada Islam. Tetapi bagaimana untuk beliau keluar dari Kesatuan Wanita pada masa beliau sendiri sudah mendapat peluang dan keistimewaan di sisi pemimpinnya Huda Sya'rawi dan memiliki potensi besar untuk menarik penglibatan ramai wanita ke dalam Kesatuan Wanita (Ibn al-Hasyimi: 1989).

2.4 Mengasaskan Petubuhan Wanita Muslimah

Selepas insiden kebakaran yang hampir meragut nyawanya, Zainab al-Ghazali menarik diri dari keanggotaan Kesatuan Wanita Mesir dan terus mengasaskan Pertubuhan Wanita Muslim pada bulan Rabi'ul Awal 1355H bersamaan 1937M. Ini merupakan pertubuhan wanita Islam pertama di Mesir yang melaksanakan aktiviti kebajikan dan dakwah terutama dalam membantu anak-anak yatim, balu-balu akibat peperangan. Usia Zainab ketika itu adalah dalam lingkungan dua puluh tahun. Sejak itu bermula kegiatan dakwahnya ke arah menuntut pengembalian ummah kepada Allah SWT, kepada pengajaran agama yang benar, agar wanita dan lelaki mendapat haknya, ummah kembali kepada kegemilangan dan kepimpinan para sahabat dan tabiin, kepada peranan para sahabiyat yang hilang (Ibn al-Hasyimi: 1989).

Justeru, penggarapan ilmu dan aktiviti pentarbiyahan dalam kalangan anggota jamaah menjadi syarat utama untuk membebaskan umat Islam daripada dibelenggu pengkhianat dan musuh Islam demi mengembalikan keupayaan para wanita untuk berperanan di pelbagai lapangan, berpidato, berhujah dan memacu masyarakat sekeliling untuk memimpin ummah seluruhnya agar kembali kepada Islam dalam erti kata sebenar. (Ibn al-Hasyimi: 1989)

Seterusnya Zainab al-Ghazali kembali kepada kebenaran dengan jiwa yang suci dan ucapan-ucapannya mampu meyakinkan ummah untuk kembali kepada agama yang sebenar. Majalah mingguannya yang berjudul '*Majalah Sayyidah Muslimah*' tersebar ke seluruh pelosok Mesir di mana turut berkembang cawangan pertubuhannya. Pertubuhan Wanita Muslimah ini juga dengan kerjasama tenaga pengajar yang terdiri dari para ulama al-Azhar, menyusun kelas-kelas pengajian di masjid-masjid di seluruh Mesir, seperti masjid Ahmad bin Tolon, masjid Al-Imam Syafie, Al-Jami' al-Azhar, masjid Sultan Hassan dan selainnya. Melalui perkembangan tersebut, Pertubuhan Wanita Muslimah terus menyusun pelbagai kegiatan, di antaranya menubuhkan pusat dakwah bagi melahirkan para pendakwah wanita di mana dalam tempoh enam bulan para peserta berjaya mengikuti mata pelajaran Tafsir, Hadis, Fiqh, Sirah dan pelbagai ilmu Islam sehingga mereka pula berkelayakan menyampaikan pengajian di masjid-masjid. Usaha-usaha ini diperluaskan lagi

dengan mengembangkan aktiviti kebajikan dengan menyediakan rumah-rumah bagi menempatkan anak-anak yatim dan bantuan kepada balu-balu dan orang tua dan menjaga kepentingan mereka (Zainuddin Hasyim & Ridhwan Md.Nor: 2008).

Pada tahun 1952M, ketika berlaku revolusi Julai, situasi tiba-tiba bertukar dan Pertubuhan Wanita Muslimah telah diarahkan tutup sepenuhnya serta diharamkan penerbitan Majalah Muslimah. Zainab sendiri dilemparkan tuduhan palsu sebagai penentang revolusi dan dijatuhkan hukuman mati dan kemudiannya diperingankan dengan hukuman penjara seumur hidup dengan kerja berat. Azab dan penderitaan dalam penjara Naseer dirakamkan dalam karyanya yang termasyhur: *“Hari-hari Dalam Hidupku.”* (Affaf Abd & Ghafar Hamid: 2007).

2.5 Kehidupan Politik

Hubungan Zainab al-Ghazali dengan Gerakan Islam bermula pada tahun 1357H/1937M selepas enam bulan beliau mengasaskan Pertubuhan Saiyidah Muslimah. Al-Syahid Imam Hasan al-Bana menawarkan Zainab untuk memimpin Sayap Akhawat di bawah gerakan Ikhwan al-Muslimin (IM). Tawaran itu pada mulanya ditolak oleh Zainab disebabkan tidak dipersetujui oleh ahli pertubuhannya tetapi kemudian mereka bersetuju untuk berkerjasama dan bergabung dalam gerakan tersebut.

Selepas Peristiwa 1948M, pemerintah mengeluarkan arahan untuk membubarkan Gerakan Islam di Mesir. Zainab dengan segera menghantar telegram menyatakan sumpah setia kepada Pemimpin Gerakan Islam untuk berjuang demi Islam dan bersedia untuk berkorban diri bagi kepentingan dakwah pada jalan Allah. Maka dengan itu Zainab secara rasmi menjadi anggota yang berpengaruh dalam Gerakan Islam. (Badar Muhammad Badr: 2008)

2.6 Mehnah dan Tribulasi

Setiap tokoh gerakan Islam biasanya akan menghadapi pelbagai mehnah dan ujian yang berat. Begitu juga yang dihadapi oleh Zainab al-Ghazali. Kegiatan Pertubuhan Wanita Muslimah yang dipimpin oleh Zainab al-Ghazali tidak terbatas pada aktiviti kebajikan semata-mata, malah turut terlibat dalam kegiatan politik yang memang merupakan sebahagian dari amal kemasyarakatan. Ini menimbulkan pertembungan dengan kuasa pemerintah yang menyebabkan Zainab al-Ghazali ditahan.

Beliau ditangkap pada 20 Ogos tahun 1965M dan dibicara pada 1966 seterusnya dihukum penjara seumur hidup. Kemudian hukuman tersebut diringankan kepada penjara selama 25 tahun dengan kerja berat. Namun beliau dibebaskan pada tahun 1971 semasa Anwar Sadat menggantikan Jamal setelah kematiannya. Allah membalas pengkhianatan Jamal Abdul Naseer terhadap para pendokong Ikhwan dengan kekalahan kerajaan Mesir pimpinannya kepada Israel dan sekutunya dalam perang tiga serangkai pada 1967M. (Badar Muhammad Badr: 2008)

Selepas dibebaskan daripada penjara Zainab kembali aktif menggerakkan apa sahaja demi Islam. Beliau berpidato dengan lantang untuk menyedarkan para pemuda dan pemudi serta membimbing ummah ke arah keredhaan Allah. Almarhumah Zainab al-Ghazali juga terkenal sebagai penulis yang berkaliber.

2.7 Sumbangan Dakwah

Setelah keluar dari penjara, Zainab al-Ghazali meneruskan peranannya dalam bidang dakwah. Beliau menyampaikan pengajian dan menyertai pelbagai seminar di dalam dan di luar Mesir. Adapun negara-negara yang pernah beliau kunjungi adalah Arab Saudi, Kuwait, Emiriyah Arab Bersatu, Jordan, Algeria, Turki, Sudan, India, Perancis, Amerika, Kanada, Sepanyol dan sebagainya. Malah beliau juga sempat beberapa kali melawat pejuang Afghanistan semasa jihad menentang penjajahan Soviet Rusia pada tahun 80an. (Badar Muhammad Badr: 2008)

2.8 Karya Penulisan

Perpustakaan Zainab al-Ghazali termasuk di antara koleksi buku yang terbesar yang biasa wujud di kediaman tokoh ulama dan para ilmuwan. Di dalamnya terhimpun kitab-kitab tafsir dan Fiqh, menambah kepada pelbagai ilmu Hadis dan kitab-kitab Dakwah dan Haraki. Di dalam perpustakaan ini terdapat kitab-kitab yang berusia lebih dari seratus tahun, malah Zainab al-Ghazali sendiri telah menghasilkan sejumlah besar buku-buku dan karya penulisan. Di antaranya *Ila Ibnati* (Untuk Puteriku) dalam dua juzu', *Musykilaat al-Syabab Wa al-Fatayaat Fi Marhalah al-Murahaqah* (Problem Belia Lelaki dan Gadis di peringkat Remaja) dalam dua juzu' juga, dan *Nahwa Bi'tha Jadid*, (Ke arah Kebangkitan Semula), *Ayyam Fi Hayati* (Hari-hari Dalam Hidupku), *Nazaraat Fi al-Din Wa al-Hayat*, (Beberapa Pemerhatian Terhadap Agama Dan Kehidupan), *Syarah al-Arba'in al-Nawawiyah*, *Malak Wa Amal Sya'b* (Pemerintah dan Harapan Rakyat), dan *Nazaraat Fi Kitabillah* (Beberapa Pemerhatian Terhadap Kitab Allah), *Asma' Allah al-Husna* dan *Gharizah al-Mar'ah* (Naluri Wanita).Sebahagian daripada hasil karya penulisan telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa. (Afaf Abd.Ghafur Hamid: 2007). Zainab al-Ghazali seorang yang berbakat besar dalam bidang penulisan. Beliau adalah editor bagi sebuah ruangan dalam majalah *al-Da'wah* bagi pembangunan rumah tangga Muslim yang sejati. Kata-kata yang beliau berikan amat bernas dan berlandaskan agama Islam. Ini terbukti apabila beliau mengeluarkan kenyataan dalam satu temu ramah di rumahnya pada tahun 1981M.

Beliau berkata; "Islam menyediakan segala-galanya untuk lelaki dan wanita. Islam memberikan wanita semuanya iaitu kebebasan, hak dalam ekonomi, politik, sosial, hak awam dan juga hak persendirian. Islam memberikan hak-hak wanita dalam keluarga lebih daripada persatuan dan agama lain. Wanita boleh berkata perihal kebebasan wanita dalam masyarakat Kristian, Yahudi dan juga masyarakat pagan, tetapi dalam masyarakat Islam adalah satu kesilapan besar untuk berkata perihal kebebasan wanita. Wanita Muslim perlu mempelajari Islam supaya mereka tahu Islam memberikan mereka semua hak-hak mereka." (Ahmad Amri Zainal Adnan: 2009)

Melalui karya penulisan Zainab al-Ghazali, seseorang pembaca akan mengakui bahawa beliau benar-benar seorang cendekiawan wanita yang bijak, ilmuwan ulung yang peka terhadap keperluan zaman dan situasi yang ada di lingkungannya. Persoalan ini dipaparkan dalam kitabnya '*Nazaraat Fi Kitabillah*' yang mentafsirkan surah al-Fatihah, 7 surah-surah panjang, al-Taubah, Yunus dan Hud. Sejarah penulisan tafsir ini bermula sejak beliau berada dipenjara di mana al-Quran menjadi penghibur jiwanya. Beliau sering mencatat beberapa maklumat yang dapat difahami dari tafsir al-Quran, di tepi lembaran mashaf. Tetapi al-Quran tersebut telah

dirampas daripadanya dan tafsir tersebut belum sempat disempurnakannya. Selepas Zainab dibebaskan, beliau memulakan kembali usaha mencatat pengertian yang difahami al-Quran. Akhirnya terbukti berjaya menulis tafsirnya dan telah dicetak juzuk pertama pada tahun 1994 dan kemudiannya disemak oleh Dr. Abdul al-Haie al-Farmawy seorang Profesor Ilmu Tafsir di Universiti al-Azhar, Mesir (Ibn al-Hasyimi: 1989).

2.9 Kewafatan

Pengabdianya kepada Islam dan umatnya sentiasa dikenang dengan penuh penghargaan, kasih dan kecintaan. Setelah 88 tahun menabur budi dan jasa, almarhumah dijemput pulang ke pangkuan Ilahi pada 3 Ogos 2005. Jasadnya yang mulia diiringi ribuan rakyat dan disolatkan di masjid Rabia'tul Adawiyyah. Namanya tetap segar di hati setiap pejuang agama walaupun telah pergi menemui kecintaan abadi Tuhan sekalian alam (Ibn al-Hasyimi: 1989).

3. KONSEP TARBIYAH

Sebelum membicarakan metode tarbiyah yang dinyatakan dalam kitab tafsir ini, penulis bawakan dahulu beberapa pemahaman mengenai konsep tarbiyah menurut al-Quran yang telah dibahaskan oleh para ulama tafsir.

3.1 Konsep Tarbiyah dalam al-Quran

Al-Quran al-Karim adalah kitab hidayah dan pendidikan. Ini bermaksud dalam proses al-Quran membentuk dan mendidik jiwa dengan akhlak mulia, pada masa yang sama ia mensyariatkan hukum-hukum yang berkaitan dengan hak-hak manusia. (Abdul Hamid Mahmud Thahmaz: 1993)

3.2 Konsep Tarbiyah dalam Kitab Nazaraat Fi Kitabillah

Penulisan tafsir dalam bentuk baru ini telah disempurnakan oleh penulisnya Hajah Zainab al-Ghazali al-Jubaily di permulaan 90an. Ia berukuran sederhana. Jilid pertama mengandungi tafsir dari surah Al-Fatehah, hingga surah Ibrahim AS, telah dicetak dan diterbitkan oleh Syarikat Dar al-Syuruq pada 1995, setelah disemak dan beri prakata oleh Doktor Abdul Haieal-Farmawy. Pada tahun 2011 setelah lebih empat tahun kewafatan penulisnya, cetakan kedua mengandungi tafsir lengkap dalam dua jilid di terbitkan oleh Syarikat Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyah. Jilid ke dua mengandungi tafsir bagi baki surah-surah al-Quran al-Karim (Abd Rahman Mu'adhah: 1994).

Dalam prakata yang diberikan oleh penyunting kitab ini iaitu Prof. Dr. Abd. Hayy al-Farmawy yang menyebutkan mengenai ilmu yang dimiliki, pengalaman yang dilalui, kecintaan yang mendalam terhadap al-Quran dan rasa tanggungjawab terhadap amanah dakwah pada diri tokoh pendakwah dan mujahidah Zainab al-Ghazali ini menjadi asas kepada terhasilnya penulisan tafsir ini (Abdul Haie al-Farmawy:1994)

Selepas tafsir Nazarat Fi Kitabillah berjaya diterbitkan, Zainab al-Ghazali dalam komentarnya tentang objektif penulisannya yang penuh kiasan menyebutkan:

“Saya amat mencintai al-Quran hingga dapat menghayatinya, bila saya dapat hidup dengannya, saya ingin pula berkungsi apa yang saya dapat bersama orang yang saya cintai, saya kungsikan sebahagian dari

pengajaran para mufassirin, walaupun begitu saya tidak mengatakan saya seorang ahli tafsir, tetapi saya memang pencinta al-Quran, sangat kasih terhadapnya. Seorang kekasih akan berkongsi dengan orang yang dikasihinya dan gemar bercerita dan duduk bersama orang yang dikasihinya, memeluk orang yang dikasihinya jadi saya memeluk al-Quran, berbicara dengannya dan berbicara kerananya kepada million orang ramai dari kalangan para mukminin mukminat, muslimin dan muslimat, dan saya hidup berkongsi dengan nya di beberapa masjid selama lebih dari 60 tahun, iaitu usia dakwah yang telah saya asaskan di masjid sejak tahun 1937.

Untuk mengenal gaya penulisan tafsir *Nazarat Fi Kitabillah* dan melihat pendekatan tarbawi Zainab al-Ghazali di dalamnya, kita perlu menjejak manhaj yang dipilih oleh tokoh ini.

1. Zainab al-Ghazali mensyarahkan ayat-ayat dan menjelaskan maknannya dengan bahasa yang mudah difahami tanpa ada kesamaran dan kekaburan.
2. Menghubungkan makna-makna al-Quran al-Karim dan hukumnya dengan rialiti hidup, dalam usaha sebenar untuk memperbaiki situasi semasa selaras dengan pertunjuk al-Quran juga dalam usaha menyelesaikan permasalahan masyarakat.
3. Memberi fokus yang sungguh-sungguh ke atas aspek perlaksanaan amal Islam yang tegak di atas :
 - i. Membina peribadi muslim atas asas kefahaman yang benar, pengetahuan yang luas dan lengkap mengenai agama, yakin dengannya di sudut aqidah dan syariat, setia dengannya dan melaksanakan tuntutannya. Semua ini tercapai dengan akhlak mulia dan perasaan yang terpimpin tercerna dengan kedua-duanya pada amal dan tindak tanduk.
 - ii. Membina keluarga muslim, di sudut pembentukannya, pada perjalanan hidupnya, pada penilaiannya atas aqidah yang benar, akhlak mulia, pertimbangan yang benar dengan sesuatu yang dapat membantu anggota keluarga untuk kehidupan yang tenang, menyebarkan kasih sayang dalam pergaulan antara mereka. menyebarkan perasaan belas kasihan walaupun terhadap musuhnya.
 - iii. Membentuk ummah Islamiyah yang terbina individunya dan terbentuk seluruh anggota keluarga masyarakat di atas asas-asas dan nilai-nilai yang tersebut di atas.

Semua itu agar dakwah dapat memberi kesan dan jelas keberadaan Islam, tumbuh berkembang dan bergerak dan maju ke depan dengan gagah. membasmikan kejahilan, mengatasi kezaliman, memperluaskan keadilan, menyebarkan keamanan, menyelamatkan manusia dari kegelapan bumi dan menyembah toghut dunia dan tunduk kepada kebendaan, kepada pertunjuk Islam dan kebebasan beribadah kepada pengatur segala langit dan bumi mampu mengatasi kebendaan hidup, keburukannya dan kekejiannya, di bawah naungan pemerintahan Islam.

4. Memperkuatkan dakwah ke arah menghidupkan segala kewajipan Islam yang

Hilang dengan cara:

- i. Berhukum dengan apa yang di turunkan Allah SWT. Beramal dengan apa yang disyariatkan Allah SWT untuk menyelamatkan dan membangunkan kehidupan hambaNya.

Zainab menghubungkan rialiti kemunduran dan kehinaan yang menimpa umat Muslimin dengan sebab kecuaiian mereka dari mendaulatkan syariat Allah SWT. Pembaca dapat merasa kekecewaan Zainab kerana hilang pelaksanaan syariat Allah SWT dari kehidupan kita, dari pemerintahan kita dan dari sistem pendidikan kemasyarakatan, ekonomi dan perundangan, dan lain-laiin lapangan hidup.

Begitu juga pembaca turut dapat merasakan jaminan yang meyakinkan bahawa Allah SWT, akan melimpahkan rahmataNya ke atas pengikut agama ini, dan tidak akan bakhil dari melimpahkan nikmatNya ke atas mereka hingga memlayakkan mereka melaksanakan syariatNya, kekal dengan pertunjukNya walau apa sahaja halangan yang datang.

- ii. Wajib berjihad pada jalan Allah SWT demi mendaulatkan kalimah Alah SWT yang tertinggi. Menghapuskan segala halangan dari menyampaikan dakwahnya, memenangkan Islam dan pengikutnya. Menyediakan bekalan sepatutnya dengan kesedaran, ilmu, memiliki kekuatan yang selayaknya bagi tujuan tersebut, demi mengembalikan kedaulatan Islam, Para muslimin dapat berperanan bagi memastikan terlaksana segala kebajikan mereka seperti; beriman dengan Allah SWT, menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran dengan dengan perasaan mulia diri dan kekuasaan, membolehkan kalimat kebenaran di perkatakan, dan nasihat yang ikhlas dan sedar dikedepankan. di sini kita melihat dengan jelas, betapa besar dan jelasnya keyakinan Zainab dengan kemenangan Islam dan pengikutnya dan gagalanya kebatilan dan pendukungnya,

5. Memperbanyakkan permohonan kepada Allah SWT dengan berbicara secara lansung, dan berdoa kepadaNya-dengan hati yang penuh dengan iman dan yakin dengan istijabah Allah SWT-mengiringi ayat-ayat mengenai janji baik dan isti'azah mengiringi ayat-ayat mengenai janji buruk.
6. Dalam tafsir Nazarati Fi Kitabillah, Zainab bersandarkan dalil sahih dari Hadis Rasulullah SAW. Beliau mendatangkan Hadis-hadis Nabawi kadangkala untuk menerangkan makna ayat atau menjelaskannya, seperti mana beliau memberi perumpamaan dengan al-Hadis al-Syarif hampir dengan maksud ayat dan maknanya. Begitu juga untuk lebih menarik, Zainab menggandingkan al-Hadis al-Syarif dengan ayat al-Quran sekitar makna yang terdapat dalam ayat al-Quran.

Melalui sorotan terhadap beberapa ayat di dalam surah al-Nur ini, kita dapat melihat dengan jelas bagaimana kefahaman Zainab al-Ghazali selari dengan maksud dan objektif penurunan al-Quran:

i. Menyentuh tentang pendahuluan tafsir surah al-Nur, Zainab al-Ghazali jelas sebagai seorang murabbiyah, menegaskan:
“Pentingnya kefahaman setiap individu dan keluarga terhadap tanggungjawab mematuhi adab, hukum dan batas-batas Syariah kerana dengan memahami semua matlamat hidup,, sesuatu keluarga dapat ditegakkan atas asas kemuliaan dan kebenaran dan dengan pertimbangan nilai saling menghormati , saling mempercayai dan keteguhan ikaatan hidup setiap individu dan keluarga akan menjamin penilaian setiap lelaki dan wanita terhadap tanggungjawab keluarga, pasangan dan anak-anak seterusnya akan terjamin tanggung jawab negara kerana ia bersandarkan kepada asasnya yang lahir dari kematangan` sesebuah keluarga iaitu bergantung pada sejauh mana keperhatinan mereka terhadap tnggungjawab mereka. (Zainab al-Ghazali 1994)

ii. Beliau menyebut tentang kepentingan surah tersebut dengan katanya:
“Kerana itu saya katakan : surah al-Nur merupakan sejumlah ayat al-Quran al-Karim, Allah menjelaskan di dalamnya bahawa tanggungjawab terhadap keluarga merupakan kedudukan yang tinggi dan menjadi benteng-benteng yang melindungi kehidupan dua pasangan hidup dengan hubungan yang suci, jiwa ,hati dan perasaan, dalam sinar dan paanduan Rabbani ...“(Zainab al-Ghazali 1994)

iii. Seterusnya, ketika beliau mentafsirkan ayat pertama dari surah al-Nur salam firman Allah SWT:

سُورَةٌ أَنْزَلْنَاهَا وَفَرَضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ لَّعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١

Maksudnya:

(Inilah) surah yang telah Kami turunkan dan kami tetapkan (hukum-hukum) dan Kami turunkan di dalamnya beberapa ayat yang terang, mudah- mudahan kamu mendapat peringatan.

Ini jelas kerana al-Quran al-Karim adalah kitab hidayah dan pendidikan. Ini bermaksud dalam proses al-Quran membentuk dan mendidik jiwa dengan akhlak mulia, pada masa yang sama ia mensyariatkan hukum-hukum yang berkaitan dengan hak-hak manusia. (Abdul Hamid Mahmud Thahmaz: 1993)

iv. Akibat Zina

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيْشَهَدَ عَدَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ٢

Ketika mentafsirkan ayat ke dua mengenai keburukan zina dan kewajaran hukuman bagi pelakunya, Zainab menegaskan: : “ *Zina perbuatan yang terkeji di muka bumi kerana ia menyebabkan tercemar benih yang Allah bekalkan untuk menjadi insan suci bakal memakmurkan bumi Sebaliknya hasil perkahwinan suci di antara isteri dan suami yang di penuhi ketaatan, sujud dan istighfar yang berterusan mampu melahirkan zuriat yang suci melalui perkahwinan.*” (Zainab al-Ghazali 1994)

v. Pesona Dunia

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ وَمَنْ يَتَّبِعْ خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ فَإِنَّهُ يَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ مَا زَكَا مِنْكُمْ مِّنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَكِنَّ اللَّهَ يُزَكِّي مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ٢١

Ketika mentafsir ayat 21, mengenai peringatan Allah SWT mengenai tipu daya Syaitan, Zainab menegaskan dengan katanya; “*bahawa lelaki dan wanita yang tidak berbentengkan diri dengan pengajaran dan bimbingan, Syaitan mampu memperdayakannya dengan pelbagai bentuk maksiat. Di antaranya gejala-gejala keruntuhan nilai dan akhlak Islam termasuk pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita di kelab-kelab dan pesta-pesta hiburan, perkelahan bebas di bawah selogan-selogan perjuangan menuntut persamaan hak di antara lelaki dan wanita*” (Zainab al-Ghazali 1994).

vi. Sifat Pemaaf

وَلَا يَأْتَلِ أُولُو الْفَضْلِ مِنْكُمْ وَالسَّعَةِ أَنْ يُؤْتُوا أُولِي الْقُرْبَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْمُهَاجِرِينَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلْيَعْفُوا وَلْيَصْفَحُوا أَلَا تُحِبُّونَ أَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ٢٢

Dalam mentafsir ayat 22 dari al Nur, Zainab menekankan kepentingan pembentukan peribadi Muslim dengan sifat pemaaf yang ditawarkan Allah dengan keampunan kepada Saidina Abu Bakar berlaku rentetan sumpahnya untuk memutuskan bantuannya kepada *Mistoh bin Usasah* setelah peristiwa *Ifki* (Pembohongan) .

Katanya: “Allah mengampunkan bagi sesiapa yang mengampun saudaranya, dan berakhlak dengan sifat Allah SWT” (Zainab al-Ghazali 1994)

vii. Adab Ziarah

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّى تَسْتَأْذِنُوا وَتُسَلِّمُوا
عَلَىٰ أَهْلِهَا ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٢٧ فَإِن لَّمْ تَجِدُوا فِيهَا أَحَدًا
فَلَا تَدْخُلُوهَا حَتَّىٰ يُؤْذَنَ لَكُمْ وَإِن قِيلَ لَكُمْ فَارْجِعُوا فَارْجِعُوا هُوَ أَزْكَىٰ
لَكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ٢٨ لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَدْخُلُوا بُيُوتًا
غَيْرَ مَسْكُونَةٍ فِيهَا مَتَعٌ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا تَكْتُمُونَ ٢٩

Ketika mentafsir ayat 27-29 mengenai pensyariatan *Isti'zan*- mohon izin untuk masuk ke rumah berpenghuni, Zainab menegaskan “Ini adalah adab yang di ajar oleh Allah SWT kepada hambaNya yang mukmin, pengajaran al-Quran yang mulia ini penting dalam tarbiyah dan bagi setiap anggota masyarakat Islam....hendaklah dipelihara dan ingat kerana didalam ada btersebut ada kebaikan kepada tetamu dan tuan rumah.” (Zainab al-Ghazali 1994)

viii. Perkahwinan

وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِن
يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ٣٢ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ٣٣

Dalam mentafsirkan ayat 32, Zainab menyebut tentang unsur tarbiyah yang terdapat dalam pensyariatan perkahwinan itu katanya: “Perkahwinan merupakan jaringan antara nilai kesucian hati dan kemuliaan diri, ia merupakan pencegahan berkesan menentang zina. Allah SWT memerintahkan kita, anak cucu Adam AS, supaya taat kepada Allah SWT yang telah mencipta kita dari tiada, memesankan kita untuk menjaga hubungan keluarga, seperti mana Allah SWT juga memperingatkan kita terhadap pemerhatianNya yang berterusan terhadap manusia, dan Dia akan menghitung amalannya dan Dia Pemerhati ke atasnya.” (Zainab al-Ghazali 1994)

ix. Kesatuan Akidah

۞ اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِهِ ۚ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ
الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ
مُّبْرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ

نَارٌ تُوِّرُ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَن يَشَاءُ وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَلَ لِلنَّاسِ ۗ^{٣٥}
وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ۗ^{٣٥}

Ketika mentafsirkan ayat 35 mengenai asas akidah, Zainab menjelaskan dalam bentuk kiasan tentang kesatuan akidah di antara para Nabi diperkuat dengan menyebut bersama ayat 24-25 dari surah Ibrahim:

يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ۗ^{٢٤} يَوْمَ يَدْعُ
يُوفِيهِمُ اللَّهُ دِينَهُمُ الْحَقَّ وَيَعْلَمُونَ أَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ الْمُبِينُ ۗ^{٢٥}

“Mengenal (makrifat) Allah SWT asas pokok tauhid yang benar lagi barakah....setiap kali terbit fajar dan muazzin melaungkan Allah Maha Agung. Pokok Tauhid ini akan bersinar memenuhi alam dengan segala keindahannya melalui seruan tersebut seluruh para Anbia’ berada disekelingnya mengulang seruan Muhammad saw, Saya menyaksikan tiada Tuhan selain Allah, dan Saya menyaksikan Muhammad itu Rasul Allah. (Zainab al-Ghazali 1994)

ix. Bahaya Kekafiran.

وَلَقَدْ أَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ آيَاتٍ مُّبَيِّنَاتٍ وَمَثَلًا مِّنَ الَّذِينَ خَلَوْا مِن قَبْلِكُمْ
وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ۗ^{٣٤} ۝ اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ مِثْلُ نُورِهِ ۖ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا
مِصْبَاحٌ ۖ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ ۖ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِن شَجَرَةٍ
مُّبَرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ ۖ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ
تُّورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَن يَشَاءُ وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَلَ لِلنَّاسِ ۗ وَاللَّهُ
بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ۗ^{٣٥} فِي بُيُوتٍ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا أَسْمُهُ ۖ يُسَبِّحُ
لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ ۗ^{٣٦} رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ اللَّهِ
وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ ۗ^{٣٧}
لِيَجْزِيَهُمُ اللَّهُ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ يَرْزُقُ مَن يَشَاءُ
بِغَيْرِ حِسَابٍ ۗ^{٣٨} وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَلُهُمْ كَسَرَابٍ بِقِيعَةٍ يَحْسَبُهُ الظَّمَانُ مَاءً
حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُ ۖ لَمْ يَجِدْهُ شَيْئًا وَوَجَدَ اللَّهَ عِنْدَهُ ۖ فَوَفَّاهُ حِسَابَهُ ۗ وَاللَّهُ سَرِيعُ
الْحِسَابِ ۗ^{٣٩} أَوْ كَظُلُمَاتٍ فِي بَحْرٍ لُّجِّيٍّ يَغْشَاهُ مَوْجٌ مِّن فَوْقِهِ ۖ مَوْجٌ مِّن فَوْقِهِ ۖ
سَحَابٌ ۗ ظُلُمَاتٌ بَعْضُهَا فَوْقَ بَعْضٍ إِذَا أَخْرَجَ يَدَهُ ۖ لَمْ يَكِدْ يَرِبَهَا ۗ وَمَن لَّمْ
يَجْعَلِ اللَّهُ لَهُ نُورًا فَمَا لَهُ مِن نُورٍ ۗ^{٤٠}

Ketika mentafsirkan ayat 39-40 mengenai balasan terhadap golongan kafir, Zainab menjelaskan faktor utama mereka diazab dengan katanya: *“Hai orang yang zalim, sekarang kamu dipertanggungjawabkan ke atas orang Lapar dan tidak berpakaian, di penjara dan diazab, sikap kamu meninggalkan kitab Allah dan enggan berhukum dengan hukum Allah menjadi sebab utana kanu kekal dalam neraka, dintara mati dan bidup malah kekal dalam neraka..”* (Zainab al-Ghazali 1994)

x. Allah Sumber Hidayat

Ketika mentafsirkan firman Allah SWT dari ayat 46.

لَقَدْ أَنْزَلْنَا آيَاتٍ مُّبَيِّنَاتٍ وَاللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ٤٦

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki ke jalan yang lurus”

Dalam mentafsirkan ayat tersebut Zainab menyatakan:

” *Mausia mampu mengendalikan dan memunafaatkan semua makhluk dengan akal nya yang merupakan anugrah Allah SWT yang teragong kepada manusia, kerana dengannya manusia dapat mengenali Tuhannya yang patut disembah atau didurhakai. Kerna itu manusia adalah makhluk yang dihisab amalannya. Allah juga menjadikan manusia pemerintah di bumi ini .Mereka akan diperhitung dengannsegala pemberian tersebut dan Allah menurunkan dalam al-Quran berbagai hikmah dan permisalan agar mereka dapat petunjuk”* (Zainab al-Ghazali 1994)

xii. Janji Allah Terhadap Gulungan Mukmin

Ketika mentafsirkan ayat 55, dalam firman Allah SWT:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ
كَمَا أَسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَى لَهُمْ
وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ
بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ٥٥

Maksudnya:

“Kami akan menjadikan mereka (Mukmin) sebagai khalifah (pemerintah) di muka bumi ini sepertiman orang-orang yang sebelum mereka

Zainab menjelaskan:

” *Di sisni Allah SWT telah ,menetapkan bahawa Islam Adalah akidah, ibadah dan syaraiat dari sejak Nabi Adam AS dan untuk menegakkan agama perlu menegakkan semua aspek.tidak mungkin menggagalkan mana-mana satu dari perintah dan larangannya,dengan i sesuatu ummah layak mendapat hak kholafah daripada Allah yang terpilih dari kalangan rijal-rijal yang soleh..* (Zainab al-Ghazali, 1994)

xiii. Persaudaraan

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَى حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرْجٌ وَلَا عَلَى أَنْفُسِكُمْ أَنْ تَأْكُلُوا مِنْ بُيُوتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ آبَائِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أُمَّهَاتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ إِخْوَانِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَخَوَاتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَعْمَامِكُمْ أَوْ بُيُوتِ عَمَّاتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَخْوَالِكُمْ أَوْ بُيُوتِ خَالَاتِكُمْ أَوْ مَا مَلَكَتُمْ مَفَاتِحَهُ وَ أَوْ صَدِيقِكُمْ لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَأْكُلُوا جَمِيعًا أَوْ أَشْتَاتًا فَإِذَا دَخَلْتُمْ بُيُوتًا فَسَلِّمُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ تَحِيَّةً مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ مُبْرَكَةً طَيِّبَةً كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ٦١

Ketika mentafsir ayat (61), Zainab menegaskan tentang asas Islam iaitu persaudaraan dengan katanya

“Islam adalah ugama yang menyatukan hati menghimpunkan orang mukmin sebagai satu keluarga, ia adalag ugama rahmat dan saling membantu. Allah menguji hamba-hambanya melaslui beberapa ujian umpamanya, si buta menjadi tanggungjawab anda untuk membantunya meneyelesaikan keperluannya begitu juga cacat...kalau dia itu anda, apakah yang anda ingin orang lain membantu anda? “(Zainab al-Ghazali, 1994)

xiv. Adab Dengan Rasulullah saw

Selain adab untuk masuk dan keluar rumah Islam juga mendidik Mukmin adab bersama Rasulullah saw. Zainab mentafsirkan ayat (63) dengan katanya:

”Hai sekalian manusia, dan para mukmin sekalian, bila kamu dipanggil Rasulullah kerana apa urusan, wajiblah kamu taat kepada nya terimanya dengan berlapang dada dan hati yang ingin melakukannya jauhi dari menjadikan urusan dengan baginda seperti urusan diantara kamu. Perintah Nabi adalah lebih penting dan lebih utama selepas perintah Allah. (Zainab al-Ghazali, 1994)

xv. Penutup Dari Penulis

Ketika mentafsirkan ayat terakhir aya 64 dari surah al Nur, firman Allah:

أَلَا إِنَّ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ قَدْ يَعْلَمُ مَا أَنْتُمْ عَلَيْهِ وَيَوْمَ يُرْجَعُونَ إِلَيْهِ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا عَمِلُوا وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ٦٤

Mengakhiri tafsir surah al-Nur Dai'yah Zainab al-Ghazali membuat kesimpulan dengan beberapa penegasan yang tidak sunyi dari unsur tarbiyah, katanya:

“ Ketahuilah para mukmin sesungguhnya semua perintah dan larangan terdapat di dalam surah ini wajib di turunkan ke peringkat perlaksanaan dan komitet.Segala perintah dan larangan dituntut

ke atas kamu .Hendaklah perihatin dan laksanakan dengan keperluan yang selayaknya. Ketahuilah semua arahan tersebut adala datang daripada Tuhan kamu yang mencita kamu dan memperelokan kejadian kamu Tuhan yang telah memuliakan kamu dengan iman, kasih sayangNya kepada kamu,dan menjadikannkamu sebaik-baik ummah di kalangan seluruh manusia, yang menyuruh kea rah kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran. Maha Suci Allah maha mengetahui apakah benar dalam pengakuan kamu, Kamu akan diberitahui segala amalan kamu di hari kamu dikembalikan kepada Nya ,dan kamu akan dibalas berdasarkan amalan kamu,Maha Suci Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.”(Zainab al-Ghazall, 1994)

4. KESIMPULAN

Perbincangan di atas memperlihatkan keunggulan Zainab al-Ghazali dalam bidang pendidikan khususnya dalam tafsiran surah al-Nur. Oleh sebab al-Quran adalah sebagai sumber panduan dan pentarbiyahan insan di muka bumi ini, justeru keperluan untuk memahami ajarannya adalah menjadi tanggungjawab keseluruhan umat manusia lelaki dan wanita. Sebagaimana yang terserlah dalam keperibadian Zainab al-Ghazali kesan daripada pendidikan yang dilaluinya sedari kecil. Penulisannya dalam kitab tafsir *Nazarat* melalui surah al-Nur menjelaskan bahawa membina keluarga muslim yang menjadi teras kepada ummah adalah berasaskan akidah yang benar iaitu berpandukan al-Qur’an selaras dengan tujuan penurunan al-Qur’an itu sendiri bagi membimbing dan memandu kehidupan insan. Justeru ia dilengkapi dengan kaedah dakwah agar kesemua aturan kehidupan adalah selaras dengan al-Qur’an dan dapat dihayati dalam kehidupan.

5. RUJUKAN.

- Anuar al-Baaz. *Al-Tafsir al-Tarbawi Lil alQuran al-Karim*, 2007. Dar al-Nasyr Li al-Jami’at, Mesir.
- Afaff Abd.Ghafur Hamid. *Juhud al- Mar’ah Fi Tafsir al-Quran Fi al’Asr al-Hadis*.2007.Majallah kuliah al-Syari’at wa al-Dirasat al-Islamiyah.Qatar
- Zainabal-Ghazali,*Nazaarat FiKitabillah*, 1994. Daral-Syuruq.Mesir, jilid. 1.
- Abdul Hamid Mahmud Thahmaz.Huquq, *Al-Insan Fi Surah an.Nisa’*.1993.Bairut.
- Ibn al-Hasyimi: *al-Daiyah Zainab al-Ghazali.Masirahj Jihad Wa Hadis Min al-Zikrayat Min Khilal Kitabatiha*. Dar al-I’tisam.1989.al-Kaherah.
- Syeikh Muhammad Sa’id Mursi, *Tokoh-Tokoh Besar Islam Sepanjang Zaman*, 2011. Kuala Lumpur.
- Muhammad al-Salik Muhammad Fal.*Al-Mar’ah Wa al-Tafsir: Al-Hadir al-Ghaib*.2012..<http://aafaqcenter.com/index.php/post/152>.
- BadrMuhamad Badr,*Min Sutur Hayati ad-Daiyah Zainab al-Ghazali. ad-Da’iyah ,Wa Siasah Misriyah*,[http://www.ikhwanwiki.com/// Index. Php](http://www.ikhwanwiki.com///Index.Php)
- Sheikh Dr.Abd,Rahman binMu’adhah al-Syehry.*Sudur kitab :Nazarat Fi Kitabillah Li Zainab ra*.<http://www.alukah.net/web/al-shehry/0/27519/#ixzz2yRU5qyCR>